

# AIA lancar *AIA One Billion*

**PETALING JAYA:** AIA Group Limited (AIA) mengumumkan pelancaran *AIA One Billion*, sebuah matlamat dan cita-cita berani untuk mencapai penglibatan satu bilion individu agar menjalani kehidupan yang lebih sihat, berpanjangan dan bermakna menjelang 2030.

Sebagai syarikat insurans hayat dan kesihatan pan-Asia terbesar, AIA memulakan sebuah gerakan bagi memperbaiki dan meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan individu serta membantu mewujudkan masa depan yang lebih mampan dan lestari di Asia.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA Group, Stuart A. Spencer berkata, selama lebih seabad, AIA telah berusaha untuk memberi impak positif dan signifikan kepada para pelanggan dan komunitinya.

"Pelancaran *AIA One Billion* memperluaskan lagi matlamat kami untuk membantu orang ramai untuk hidup lebih sihat, berpanjangan dan bermakna yang bukan hanya tertumpu kepada pelanggan kami sahaja.

"*AIA One Billion* menggariskan komitmen AIA untuk melibatkan, mendidik dan memberi inspirasi kepada komuniti di seluruh Asia untuk meningkatkan tahap kesihatan fizikal, mental serta kesejahteraan alam sekitar di samping memperjuangkan inklusi kewangan," katanya dalam kenyataan.

Spencer berkata, pandemik telah meningkatkan tahap kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan dan kesejahteraan.

Namun populasi di Asia terus menyaksikan peningkatan dalam penyakit berkaitan gaya hidup yang menyumbang kepada lebih 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kematian, katanya.